

INSINERATOR PELUPUSAN BAHAN TERBITAN AL – QURAN - INSINERATOR MULIA QURAN

Disediakan oleh:

Dr Mustaffa Bin Ibrahim

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

mustaffa@uthm.edu.my

Dr. Halimi bt Mohd Khalid

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah

halimi@uthm.edu.my

Hj Samsudin Bin Paimi

Imtiyaz Global Professional Plt

samsudinpaimi@imtiyazhalal.gmail.com

1.0 PENDAHULUAN

Aktiviti pembuatan, pengendalian bahan-bahan penerbitan serta penjualan perhiasan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan Hadith yang berlaku pada masa kini amat meluas. Bahan-bahan tersebut terdapat dalam pelbagai kegunaan, antaranya dalam bentuk penerbitan bercetak seperti buku, surat khabar, majalah, cendermata, bahan perhiasan, gambar berbingkai, cakera optik dan banyak lagi. Antara kewajiban penting adalah untuk memastikan bahan buangan dan lebihan yang mengandungi huruf atau ayat-ayat Al-Quran, Hadith, nama-nama Allah dan apa-apa petikan Al-Quran atau al-Hadith yang hendak dilupuskan berasingan dengan bahan-bahan lain, serta bahan tersebut juga dilarang menggunakannya semula bagi apa-apa tujuan sekalipun.

Ia bertetapan dengan apa yang telah difatwakan iaitu “Apa-apa bahan buangan yang diatasnya tercetak atau terdapat sesuatu ayat Al-Quran hendaklah dilupuskan dengan dibakar di satu tempat bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam bersesuaian dengan kemuliaan Al-Quran, kemudian abunya dibuang ke dalam air yang mengalir seperti sungai atau laut atau ditanam di tempat yang tinggi yang tidak dilalui atau dipijak oleh manusia dan haiwan”. (Keputusan Lujnah Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 18 Ogos 2002).

Aktiviti pelupusan bahan terbitan Islam mestilah dilaksanakan mengikut syarak dan garis panduan iaitu:

i. Al-Quran, Surah ke-56 iaitu Surah al-Waqiah ayat 77-78:

“Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara.”[1]

ii. Lujnah Fatwa Negeri Johor yang telah bersidang pada 27 Ogos 2002 telah berbincang dan bersepakat memutuskan bahawa:

“Mana-mana bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu ayat suci Al-Quran padanya hendaklah dilupuskan dengan dibakar di satu tempat yang bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam bersesuaian dengan kemuliaan Al-Quran,

kemudian abunya dibuang ke dalam air yang mengalir seperti sungai atau laut atau ditanam di tempat yang tinggi yang tidak dilalui atau dipijak oleh manusia dan haiwan.”[2]

iii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 1997 Bahagian 3 Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya Seksyen 13. Mana-mana orang yang:[3]

(a) Mencetak, meyiarkan, menerbitkan, merakamkan, menyebarkan atau dengan apa-apa cara lain menyebarkan apa-apa buku, risalah, dokumen atau apa-apa juga yang bertentangan dengan hokum syarak; atau

(b) Ada dalam miliknya apa-apa buku, risalah, dokumen atau rakaman sedemikian, Adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

iv. Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326)[4], Kuasa Menyita dan Menahan Teks Al-Quran atau Bahan Al-Quran Seksyen 17.(1) “Seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor, atau seseorang pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam Negeri atau Wilayah Persekutuan, boleh menyita dan menahan sesuatu teks Al-Quran atau bahan Al-Quran yang dijumpai dalam milikan seseorang jika pegawai polis atau pegawai awam itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ia telah dicetak, diterbitkan, diedarkan atau dijual atau dimaksudkan untuk diterbitkan, diedarkan atau dijual dengan melanggar akta ini atau mana-mana syarat yang dikecualikan kepada lesen itu di bawah seksyen 5, atau bahawa terdapat sesuatu kesilapan berkenaan dengan ayat-ayat Al-Quran yang terkandung di dalam teks Al-Quran atau bahan Al-Quran itu.”

2.0 INSINERATOR PELUPUSAN BAHAN TERBITAN AL – QURAN

Bahan-bahan pelupusan terbitan Islam kebanyakannya diterima daripada orang awam, sekolah-sekolah agama, masjid, surau, agensi kerajaan dan swasta serta lain-lain lagi. Bahan-bahan terbitan Islam yang dilupuskan meliputi bahan-bahan seperti berikut :-

- a) Penerbitan Al-Quran & Hadis yang telah rosak dan lusuh.
- b) Yassin yang telah rosak dan lusuh.
- c) Buku-buku dan Majalah yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran dan Hadith yang telah rosak
- d) Buku teks sekolah agama yang mengandungi ayat suci Al-Quran dan Hadith yang telah rosak
- e) Artikel-artikel yang mengandungi ayat suci Al-Quran dan Hadith yang sudah rosak
- f) Buku-buku atau majalah terbitan Islam yang meragukan dan tersalah cetak
- g) Bahan-bahan rampasan atau aduan yang diterima daripada orang awam.
- h) Bahan terbitan Islam yang telah difatwakan salah dan diharamkan penjualan, penerbitan dan pengedarannya.
- i) Bahan terbitan Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah untuk dilupuskan dan dimusnahkannya.

Di Malaysia, semasa kajian pembangunan incinerator ini dijalankan pada tahun 2013, hanya terdapat satu sahaja syarikat yang menjalankan kerja kerja pelupusan bahan terbitan AlQuran secara komersil iaitu Percetakan Saufi.

2.1 Insinerator Percetakan Saufi

Pengerusi Percetakan Saufi, Rahmat Mahdan, berkata proses pembakaran ayat suci al-Quran menggunakan mesin insinerator khas turut melalui peringkat percubaan dan penambahbaikan. Menurutnya, proses pembakaran al-Quran pada awalnya tidak berjaya kerana keadaan naskah al-Quran yang agak tebal. Selepas itu katanya, timbul idea untuk mencarik al-Quran termasuk kulitnya yang tebal menggunakan mesin pencarik menjadi helaian kecil yang lebih ringan serta terurai supaya lebih mudah dibakar dan menjadi abu halus.

Mesin pencarik kertas itu dihasilkan daripada ideanya sendiri kerana yang ada di pasaran tidak sesuai untuk mencarik kulit al-Quran yang tebal. Beliau membina mesin itu di Indonesia tetapi hasilnya tidak memuaskan dan yang digunakan kini dibina anak tempatan. Proses pembakaran dimulakan dengan meracik al-Quran menjadi helaian kecil sebelum dimasukkan ke dalam raga dan dibawa ke mesin insinerator untuk dibakar. Mesin perlu dipanaskan menggunakan gas industri selama empat jam untuk mendapat suhu 600 darjah celsius.

Mesin Insinerator yang digunakan untuk membakar carikan kertas yang telah dikumpulkan menggunakan teknologi daripada Jerman. Walaubagaimapun, mengikut En.Rahmat mesin ini dibina di Bandung, Indonesia kerana kos pembinaannya lebih murah dan mudah dipantau. Kos dianggarkan RM60,000.00 seunit. Mesin perlu dipanaskan menggunakan gas industri selama empat jam untuk mendapat suhu 600 darjah celsius. Kertas seberat 300 kilogram dimasukkan pada satu-satu masa ke dalam insinerator melalui dua pintu iaitu pintu utama (berbentuk bulat) jika mesin masih belum panas dan pintu kedua (berbentuk empat segi tepat di bahagian sisi mesin) apabila haba semakin panas. Kepanasan ruang bakar membolehkan 100 kilogram kertas dibakar dalam masa sepuluh minit dan kemudian abu dibiarkan selama empat jam untuk sejuk.

Abu yang berterbangan semasa proses pembakaran akan ditangkap oleh mesin aliran air. Mesin insinerator boleh membakar satu setengah tan kertas pada satu masa dan proses itu memakan masa lima jam. Keseluruhan proses pembakaran memakan masa sembilan jam termasuk untuk menyejukkan abu (Berita Harian, Hasliza Hassan, 2010).



Rajah 2.1 : Hasil carikan kertas sebelum dimasukkan ke dalam kebuk pembakaran

2.1



Rajah 2.2 : Mesin pelupusan Al-Quran yang sedia ada



Perbandingan Insinerator Pelupusan Quran

Jadual dibawah menunjukkan ringkasan beberapa incinerator pelupusan Al-Quran sedia ada yang telah digunapakai di beberapa institusi atau agensi. Insinerator Mulia Quran bermula dengan Versi 1 sehinggalah ke versi 5.


BIL	SPESIFIKASI	JABATAN AGAMA ISLAM TERENGGANU	PERCETAKAN SAUFI	VERSI 1	VERSI 2
1.	Gambarajah				

DIMENSI					
2.	Luas tapak (m x m)	0.5 x 0.5	4.0 x 5.0	0.7 x 1.0	0.7 x 1.2
3.	Ketinggian (m)	1.0	5.0	2.2	2.7
4.	Berat mesin (kg)	10	Melebihi 1 tan	100	140
5.	Penempatan	Mudah alih	Tetap	Mudah alih (muatan proton exora)	Mudah alih (muatan lori)
PENGUNAAN					
6.	Pemasangan Peralatan Mesm	Mudah	Sukar	Mudah	Mudah
7.	Peracikan	Manual	Manual	SemiAuto	Tiada
8.	Pembakaran	Tidak Effisien	Effisien	Menyeluruh	Menyeluruh
9.	Pembuangan abu	Sukar	Mudah	Mudah	Sangat Mudah
10.	Masa penyejukan	1 jam	4 jam	2 jam	4 jam
11.	Proses pembersihan	Manual	Auto	Manual	Manual
12.	Penyelenggaraan	Sangat Mudah	Sukar	Mudah	Mudah
13.	Tenaga kerja (per orang)	2-3	2-3	1-2	2-3
SPESIFIKASI					
14.	Kapasiti muatan kertas dibakar	Sedikit	300kg	2 kg	20 kg
15.	Tenaga Elektrik yang digunakan	Tiada	2	1	2
16.	Suhu Maksimum	Rendah	600°C	700 °C	800 °C
17.	Kadar pembakaran	Lambat	100 kg/jam	3 kg/jam	8 kg/jam
18.	Jenis Pembakaran	Bakar biasa	Pemanasan lama	Suapan angin	Suapan angin

3.0 INSINERATOR MULIA QURAN

Insinerator Mulia Quran yang dikomersilkan pada hari ini adalah versi yang ke lima (Versi 5). Versi 3 merupakan sedikit penambahbaikan daripada Versi 2 dan Versi 5 adalah penambahbaikan dari Versi 4. Pengubahsuaian berterusan perlu dijalankan berdasarkan komen pengguna dan berpandukan kepada tahap kecekapan incinerator. Perincian insinerator adalah seperti rajah rajah di bawah.

3.1 Pembangunan dan Pengujian Versi 1 dan 2





Insinerator Versi 2



Ujilari di JAINJ Insinerator Versi 2




Mudahalih dan boleh dimasukkan ke dalam kenderaan pacuan 4 roda.




Pengukuran suhu dinding insinerator, kadar pengeluaran asap yang menepati Jabatan Alam Sekitar






3.2 Pembangunan Insinerator Versi 4 dan 5



Pandangan Sisi



Pandangan Isometrik

										
<p>Pandangan 3D</p>	<p>Pengeluaran di kilang</p>									
										
<p>Proses Pembuatan di kilang</p>	<p>Selepas Pembakaran</p>									
	<table border="1"> <tr> <td>Kapasiti pembakaran -----40 naskah/perbakaran/4 jam (max)</td> </tr> <tr> <td>Kadar Pembakaran ----- 10 - 15 kg/jam</td> </tr> <tr> <td>Diesel burner----- 71.2kw (max 142.3 kw)</td> </tr> <tr> <td>Power blower pressure----- 20mmaq</td> </tr> <tr> <td>Kelajuan angin maksimum -----12 - 20 m/s</td> </tr> <tr> <td>Suhu maksimum ----- 850 - 1000 deg C</td> </tr> <tr> <td>Kapasiti pengumpul abu -----10 kg</td> </tr> <tr> <td>Kadar isipadu diesel ----- 0.0667 L/min</td> </tr> <tr> <td>Tenaga kerja yang diperlukan ---1 org</td> </tr> </table>	Kapasiti pembakaran -----40 naskah/perbakaran/4 jam (max)	Kadar Pembakaran ----- 10 - 15 kg/jam	Diesel burner----- 71.2kw (max 142.3 kw)	Power blower pressure----- 20mmaq	Kelajuan angin maksimum -----12 - 20 m/s	Suhu maksimum ----- 850 - 1000 deg C	Kapasiti pengumpul abu -----10 kg	Kadar isipadu diesel ----- 0.0667 L/min	Tenaga kerja yang diperlukan ---1 org
Kapasiti pembakaran -----40 naskah/perbakaran/4 jam (max)										
Kadar Pembakaran ----- 10 - 15 kg/jam										
Diesel burner----- 71.2kw (max 142.3 kw)										
Power blower pressure----- 20mmaq										
Kelajuan angin maksimum -----12 - 20 m/s										
Suhu maksimum ----- 850 - 1000 deg C										
Kapasiti pengumpul abu -----10 kg										
Kadar isipadu diesel ----- 0.0667 L/min										
Tenaga kerja yang diperlukan ---1 org										
<p>Semasa Pembakaran</p>	<p>Speksifikasi Mesin</p>									

4.0 APLIKASI KONSEP *MASLAHAH* DALAM PENGHASILAN INSINERATOR MULIA AL QURAN

Menurut Zarqa' penggunaan konsep *masalah* ke atas sesuatu projek yang hendak dilaksanakan dapat dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu *Daruriyyat* , *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat* (Zarqa',1982). Projek yang tergolong dalam kategori *daruriyyat* ialah projek-projek yang amat diperlukan untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang meliputi lima unsur utama iaitu agama (*din*), jiwa (*nafs*), keturunan (*nasab*), akal (*‘aql*) dan harta (*mal*). Menurut ‘Afar, terdapat sembilan bidang utama yang berkaitan perkara-perkara *daruriyyat*. Antaranya ialah ketetapan untuk menyediakan makanan dan perkara-perkara yang

perlu bagi tujuan pengeluaran bahan makanan tersebut secara berterusan, keperluan menyediakan bekalan air yang bersih dan keperluan-keperluan asas untuk kegunaan orang awam dan menyediakan kemudahan pendidikan asas yang menggabungkan keperluan fardhu ain dan fardhu kifayah (Afar,1992)

Projek-projek yang dikategorikan sebagai projek hajiyyat ialah projek yang tidak begitu penting untuk tujuan memelihara lima unsur keperluan utama dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun projek-projek ini masih diperlukan untuk tujuan memberikan kehidupan yang lebih baik dan mengurangkan kesukaran dalam kehidupan manusia. Manakala projek yang diletakkan di bawah kategori tahsiniyyat ialah projekprojek yang lebih bermotifkan keselesaan dan perhiasan.

Menurut M. Fahim Khan dan Noor Muhammad Ghifari, terdapat beberapa peraturan dalam menentukan hubungan antara ketiga-tiga kategori projek iaitu daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Antara peraturan yang paling utama ialah :

“Necessities” (daruriyyat) are fundamental to “Conveniences” (hajiyyat) and “Refinements” (tahsiniyyat). Thus project under “Necessities” (daruriyyat) be preferred to those of “Conveniences” (hajiyyat) and “Refinements” (tahsiniyyat). Recommended and permissible projects could not be perceived as having precedence, in any situation, over obligatory projects.

Daruriyyat adalah asas kepada hajiyyat dan tahsiniyyat. Oleh yang demikian sesuatu projek yang dikategorikan di bawah daruriyyat harus diberikan keutamaan daripada projek-projek yang dikategorikan sebagai hajiyyat dan tahsiniyyat. Cadangan atau kebenaran terhadap sesuatu projek tidak boleh sebagai keutamaan dalam apa jua situasi mengatasi projek-projek yang bersifat wajib (daruriyyat). (M.Fahim&Ghafiri,1992)

Berdasarkan kepada kedudukan ini jelas bahawa penghasilan mesin insinerator mulia Al Quran adalah merupakan satu projek yang dikategorikan sebagai projek daruriyyat yang perlu diberikan keutamaan memandangkan fungsinya yang sangat bertepatan dalam memelihara kemaslahatan agama (*din*).

5.0 KESIMPULAN

Teknologi tidak hanya membawa maksud yang paling asas iaitu penggunaan sumber-sumber tempatan untuk mengurangkan masalah atau kemampuan menghasilkan teknologi yang baru dan menggunakan perkhidmatan konsultan untuk membantu menyelesaikan masalah sesebuah syarikat. Malah teknologi harus dimengertikan dengan pengertian yang lebih luas di mana ianya turut membawa maksud teknologi sebagai suatu kaedah penyelesaian masalah yang kreatif untuk digunakan bagi tujuan mencari penyelesaian kepada isu-isu yang berkaitan dengan kemaslahatan kehidupan seharian khususnya kemaslahatan agama (*din*). Justeru mesin insinerator Al Quran perlu dilihat sebagai sebagai salah satu teknologi yang menjawab kepada keperluan kaedah penyelesaian yang sangat dititik beratkan oleh Islam iaitu memelihara kemaslahatan agama (*din*) melalui pelupusan ayat-ayat Al Quran dan Hadith secara sistematik dan terancang.

5.0 RUJUKAN

- [1] Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Darul Fikir Kuala Lumpur, Cetakan ke-14, Tahun 1997.
- [2] Keputusan Lujnah Fatwa Negeri Johor yang telah bersidang pada 27 Ogos 2002, Jabatan Mufti Negeri Johor ((2)dml.JMJ06/MUAMALAT(ML)-2/2002)
- [3] Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Tahun 1997. Kerajaan Negeri Johor
- [4] Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326), Kementerian Dalam Negeri
- [5] Zarqa', Muhammad Anas. 1982. Al Qiyam wa al-mi'ayir al-Islamiyyah fi taqwim al-mashru'at. Dlm. Dr, Jamal Al-Din 'Atiyyah (pnyt). *Majallah Al-Muslim Al-Mu'asir*, hlm. 85-105. Beirut : Mu'assasat Al-Muslim Al-Mu'asir,
- [6] 'Afar, Muhammad 'Abd al-Mun'im. 1992. *Al-Tanmiyah wa al-takhtit wa taqwim al-mashru'at fi al-iqtisad al-Islami*. Mansurah : Dar al-Wafa'
- [7] M. Fahim & Ghifari, Noor Muhammad. 1992. *Shatibi's objectives of Sharicah and some implications for consumer theory*. Dlm. Abu Hasan M.Sadeq & Aidit Ghazali (pnyt), *Readings in Islamic Economics Thought*, hlm. 176-202. Selangor : Longman Malaysia. 1992